

cyBerita: Lelaman Internet Berita Harian Singapura.

[Singapura](#)

ISU PEMILIKAN BERSAMA

Tuntut 'hak' sebab tidak puas hati

Hibah ruqba cara terbaik lindungi harta peninggalan untuk isteri dan anak-anak

PIHAK keluarga dan waris telah bersemuka dan diterangkan sejelas-jelasnya soal pembahagian harta peninggalan si mati berdasarkan hibah ruqba yang dibuat oleh si mati kepada isterinya lama sebelum beliau meninggal dunia.

Ini dinyatakan Encik Sadali Rasban, pemilik firma konsultan pembahagian harta pusaka, HTHT Advisory Services Pte Ltd, ketika ditemui baru-baru ini.

Menurut beliau, hibah ruqba atau pemberian hadiah bersyarat itu menjadikan harta peninggalan si mati berupa flat lima bilik di sekitar Bukit Batok berharga sekitar \$400,000 dan wang Tabung Simpanan Pekerja (CPF) sekitar \$30,000 milik penuh isterinya.

Tetapi, si mati, seorang pekerja penyenggara sebuah kelab golf, turut meninggalkan wang insurans, simpanan bank dan baki gajinya berjumlah lebih \$50,000 untuk dibahagikan kepada warisnya, tambah Encik Sadali, 51 tahun, yang telah menulis 13 buku mengenai soal pembahagian harta dan pemilikan bersama.

Selepas ditolak zakat harta, hutang kereta dan beberapa bayaran, baki harta yang ditinggalkannya berjumlah lebih \$34,000.

Sepuluh daripada jumlah tersebut atau \$17,000 merupakan harta sepencarian dan diserahkan kepada isteri Allahyarham dan baki separuh lagi diagihkan kepada para waris secara faraid.

Ayah Allahyarham yang berusia 83 tahun menerima bahagiannya hampir \$13,000 atau 75 peratus dan isteri Allahyarham menerima baki \$4,000 atau 25 peratus daripada jumlah itu.

'Saya dah jelaskan kepada kedua-dua pihak, keluarga isteri Allahyarham serta ayah dan beberapa adik-beradiknya dalam satu pertemuan Julai lalu.

'Mereka diterangkan tentang soal hibah ruqba, hukum syariah dan sivil dari segi pembahagian harta pusaka si mati.

'Saya dah jalankan tugas dan amanah yang telah diberikan kepada saya. Saya ingat mereka semua faham, tetapi sekarang mereka tak puas hati dan mahu menuntut bahagian yang kini menjadi hak orang lain,' jelas Encik Sadali sambil mendakwa telah membantu 1,000 pasangan dalam membuat hibah ruqba sejak mengasaskan firmannya dalam 1997.

Encik Sadali memiliki diploma dalam bidang Perancangan Kewangan, Diploma dalam Hukum Islam Universiti Kebangsaan Malaysia dan Diploma Perbankan dan Kewangan Islam Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Menurut beliau lagi, hibah ruqba tidak boleh ditarik balik atau diubah kerana ia adalah hak seseorang dalam menentukan siapa yang harus menerima harta pusakanya apabila beliau pergi untuk selama-lamanya.

Encik Sadali menyatakan bahawa hibah ruqba adalah cara terbaik dalam mengagihkan harta pusaka seseorang kerana ia melindungi harta peninggalannya untuk isteri dan anak-anak daripada menjadi rebutan adik-beradik sedangkan keluarga si mati perlu meneruskan kehidupan, menjaga maruah dan mempunyai tempat berteduh.

Copyright © 2010 SPH AsiaOne Ltd. All rights reserved.
Privacy Statement Conditions of Access Advertise @ AsiaOne

